



BERITA BUKITAMAN

Berintegriti Beretika Amanah

Bil. 3/2013

www.rmp.gov.my

ISSN 1394 - 8687



www.facebook.com/PolisDirajaMalaysia



www.twitter.com/PDRMSia



www.youtube.com/user/PDRMSia



MALAYSIA KU

TANAH
TUMPAHNYA
DARAHKU



BERITA BUKIT AMAN

ISSN 1394-8687



9 771394 868002



BAJET 2014

MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM



Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 25 Oktober 2013 – Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, merangkap Menteri Kewangan, telah membentang Bajet 2014 di Parlimen. Menurut Dato' Sri Mohd Najib, kerajaan amat menghargai jasa dan bakti anggota keselamatan dan perajurit. Kerajaan memberi keutamaan terhadap keselamatan dan ketenteraman awam. Kerajaan komited dalam membanteras jenayah dan ancaman anasir luar yang mengganggu gugat kesejahteraan negara.

"Untuk itu, kerajaan akan memperuntukkan sejumlah RM8.8 bilion kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan RM13.2 bilion kepada Angkatan Tentera Malaysia dalam usaha mengurangkan kadar jenayah serta meningkatkan kesiapsiagaan anggota tentera".

Bagi terus memperkasakan perkhidmatan PDRM, kerajaan akan membina dan menaiktaraf Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan kuarters kakitangan dengan peruntukan sebanyak RM128 juta. Ini termasuk pembinaan IPD baru di Pasir Mas, Kota Setar, Johor Bahru Selatan, Sipitang dan Nusajaya serta membina balai polis baru di Pengerang, Tongod dan Country Homes Rawang.

Di samping itu dalam membanteras jenayah, kerajaan memperuntukkan RM200 juta bagi melengkапkan PDRM dengan peralatan dan kelengkapan terkini termasuk senjata api, peluru, jaket kalis peluru, alat pengesan narkotik, sistem biometrik dan kenderaan forensik. Kerajaan juga akan menambah 496 bilangan kamera litar tertutup atau CCTV di 25 kawasan Pihak Berkusa Tempatan (PBT) dengan peruntukan sebanyak RM20 juta.

Selain itu, sebagai tambahan kepada pembelian 1,000 buah motosikal untuk kegunaan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) PDRM pada tahun ini, kerajaan bersetuju menambah lagi 200 buah motosikal yang menjadikan keseluruhannya 2,000 buah motosikal bagi tempoh dua tahun.

Dato' Sri Mohd Najib, mengumumkan peruntukan sebanyak RM8.8 bilion kepada PDRM bagi memperkasakan perkhidmatan

pasukan itu termasuk peruntukan khas membanteras jenayah sebanyak RM200 juta bagi melengkapan PDRM dengan peralatan dan kelengkapan terkini.

"PDRM akan menggantikan senjata api revolver yang digunakan sekarang dengan pistol semi automatik melalui peruntukan khas RM200 juta bagi membanteras jenayah. Di samping itu juga akan memperbaikkan baju kalis peluru agar setiap pegawai dan anggota bertugas dalam keadaan lebih selamat".

"Kita juga akan membuat penambahan bilangan kenderaan pasukan dan peralatan forensik di setiap negeri supaya semua mencukupi dan dapat menjalankan tugas dengan baik".



Demikian kata Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara, mengulas peruntukan yang diberikan kepada PDRM dalam Bajet 2014 sambil menyatakan sebuah pasukan khas akan dibentuk bagi menyelenggara peruntukan Bajet 2014 itu yang akan diketuai oleh CP Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Logistik PDRM.

EDITORIAL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera...



Pada 31 Ogos 2013 yang lalu, warga tanah watan di seluruh negara dengan bangganya telah menyambut Hari Kemerdekaan Ke-56. Selaku anak Malaysia tentulah kebanggaan ini dizahirkan dengan pelbagai upacara yang menyerlahkan keceriaan dan kemeriahannya kita memperingati pahit-jerih pemimpin-pemimpin negara pada suatu masa dahulu yang tidak pernah lekang menuntut kemerdekaan daripada kerajaan British. Kita hidup dalam suasana aman dan harmonis dan

mampu mengalahkan gerakan pengganas komunis, kesemuanya hasil daripada warga polis dan tentera yang aktif membanteras insurgensi terutamanya di tahun-tahun 60-an hingga penghujung 80-an.

Namun ternyata kita sentiasa diuji, dari insurgensi beralih kepada menangani jenayah terhadap nyawa dan harta, jenayah narkotik dan jenayah ekonomi. Seolah-olah ia tidak mencukupi, kita dikejutkan pula di awal tahun 2013 dengan pencerobohan sekumpulan pengganas yang bercita-cita kohnnya untuk menakluki sebahagian daripada wilayah milik negara tercinta ini. Kita tidak leka. Kita bingkas mempertahankan kedaulatan tanah air melalui pendekatan kolaboratif di antara PDRM dan ATM.

Pada masa yang sama, kita kehilangan lapan wira negara yang terkorban di dalam pertempuran dengan pengganas Sulu di Lahad Datu, Sabah. Kita pasrah kerana mereka gugur demi mempertahankan kedaulatan negara. Justeru, tema "Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku" sempena Hari Kemerdekaan Ke-56 adalah sesuatu yang amat bertepatan dengan masa dan keadaan. Sesungguhnya umum mengetahui bahawa masyarakat majmuk di negara ini adalah masyarakat yang prihatin dan sentiasa cintakan keamanan dan kesejahteraan hidup. Mereka sentiasa mengharapkan golongan



PENASIHAT
ACP Ramli Mohamed Yoosuf

KETUA EDITOR
Supt. Lai Lee Ching

EDITOR
DSP Venugopal Navaretnam

PENOLONG EDITOR
ASP Mohd Fadzil Ismail
Insp. Mohd Zaki Abu Bakar
Insp. Haslina Muhamad Nor

STAF PENULIS / JURUFOTO
SI Megat Nizar Megat Uda Abdullah
Kpl. Mohamad Wahid Mat Din
Kpl. Noorlidia Mamun
Kpl. Aslam Syir Khan Fairuz Khan
L/Kpl. Mohd Iqbal Nasruddin
L/Kpl. Sufian Arsad
Konst/P Mohamad Shazril Abd. Rashid

PEREKA GRAFIK
SM Zakaria Muhamad (Kia)

PENTADBIRAN / PENGEDARAN
Shimatul Aida Maamor

KEWANGAN
DSP Ahmad Shukri Mat Akhir
Baharuddin Baba



yang diberi amanah untuk menguatkuaskan undang-undang, terutamanya pegawai dan anggota PDRM sentiasa berada dekat di dalam rencah kehidupan hari mereka bagi menjamin keselamatan diri dan harta benda mereka. Justeru, selaku warga PDRM, kita perlu sentiasa akur mengenai fakta ini dan perlu sentiasa menghidupkan moto keramat kita "Sedia Berkhidmat" kepada rakyat.

Manifestasi akur ini perlu dipraktikkan dalam segala tindak-tanduk polis untuk memberi refleksi positif tentang profesionalisme kita menjalankan tugas yang telah dimandatkan oleh kerajaan dan rakyat. Tidak ada kompromi dalam perkara ini. Lantaran apabila YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid bin Abu Bakar menyandang jawatan Ketua Polis Negara pada 17 Mei 2013, beliau telah menetapkan tiga perkara yang perlu diberi keutamaan oleh setiap warga PDRM, iaitu, memelihara ketenteraman awam; mengekang dan membanteras jenayah; dan meningkatkan tahap integriti dan profesionalisma warga PDRM. Alhamdulillah, kesemua ini sedang dilaksanakan dengan penuh ketelitian di semua lapisan dan peringkat PDRM. Tidak ada toleransi dalam salah laku pegawai dan anggota polis, terutamanya yang berkaitan dengan perbuatan jenayah.

Sempena lembaran baru kepolisan di ambang 2014, marilah kita tingkatkan iltizam untuk terus meletakkan organisasi polis di tahap kepolisan moden yang boleh dibanggakan oleh setiap warga negara tercinta ini. Kita mahu PDRM dikenali di seluruh dunia sebagai sebuah jabatan yang berwibawa serta mempunyai nilai dan budaya kerja yang setanding atau melebihi organisasi kepolisan bertaraf dunia. Jika ini mampu dizahirkan dalam tempoh terdekat, Insha Allah, pentadbiran dan pengoperasian PDRM akan lengkap sepenuhnya menjelang sasaran negara maju sepenuhnya seperti hasrat Wawasan 2020.

Ke arah itu, kita perlu menggembung sepenuhnya usaha melalui pengetahuan, kemahiran dan kebolehan kita untuk melaksanakannya melalui semua mekanisma yang telah, sedang dan akan terus diperkenalkan dari masa ke semasa seperti NKRA, NBOS, JPPJ, STFOC dan sebagainya. Jika kita mempunyai kehendak untuk merubah minda dan tidak berlandas "usual business", maka pencapaian boleh diraih lebih awal tanpa apa-apa kerumitan. Strategi dan pelaksanaan yang betul berteraskan visi dan misi pasukan serta dasar-dasar pucuk pimpinan adalah merupakan panduan dan pedoman yang sangat berharga dan tidak sesekali boleh kita abaikan.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalaamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- ACP Ramli Mohamed Yoosuf

ALAMAT SURAT-MENYURAT
Unit Penerbitan Dan Publisiti
Urus Setia KPN (Komunikasi Korporat)
Polis Diraja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2266 8325/8329
Faks: 03-2266 8330

DICETAK OLEH:
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Album



2 Julai 2013 – Mr. Shigeru Nakamura, Duta Besar Jepun bersama-sama Pegawai Kedutaan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



8 Julai 2013 – Hon. Dg. Mr. Wang Cho Chuin, Director General Taiwan National Police Agency telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



8 Julai 2013 – H.E. Mr. Vijay Gokhale, Pesuruhjaya Tinggi India telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



12 Julai 2013 – Profesor Datuk Dr. Mizan Hitam, Deputy Rector (Student Affairs) Universiti Islam Antarabangsa bersama delegasi UIA telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



15 Julai 2013 – Lawatan kunjungan hormat daripada H.E Mr. Ali Daher, Duta Lubnan di Malaysia ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



22 Julai 2013 – Lettenan Jeneral Sar Moline, Executive Director ASEANAPOL Secretariat bersama delegasi Pengarah-Pengarah Sekretariat ASEANAPOL telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



26 Julai 2013 – Ms. Michelle Gyles-McDonough, United Nations Resident Coordinator And UNDP Resident Representative, Malaysia, Singapore, dan Brunei telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



11 September 2013 – Tunku Datuk Noruddin, Konsul Kehormat Republik Kazakhstan di Malaysia bersama En. Daniyar Sarekenor dan En. Yerzhan Assaubay, Duta Republik Kazakhstan telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



17 September 2013 – Mr. Noboru Nakatani, Executive Director, Interpol Global Complex For Invitation (IGCI) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



18 September 2013 – Duta Korea Selatan H.E Cho Byungjae mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



18 September 2013 – Pesuruhjaya Tinggi Australia H.E Miles Kupa membuat kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



30 September 2013 – Dato' Sri Dr. Kamaljit Singh, Penasihat Inovasi Kepada Perdana Menteri telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.

Album



23 Julai 2013 – Tan Sri Dato' Dr. Ahmad Mustafa Babjee, Pengurusi United Business Media (M) Sdn. Bhd telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



18 Julai 2013 - Commissioner First Class Xue Dongzheng, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Kerjasama Antarabangsa, Kementerian Keselamatan Awam Republik Rakyat China bersama delegasi temui Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara.



2 Ogos 2013 – Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus, Timbalan Gabenor Bank Negara bersama delegasi Bank Negara Malaysia telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



19 Ogos 2013 – Mr. Ng Ser Song, Director Of Central Narcotics Bureau Singapore bersama delegasi Singapura telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



17 September 2013 – Mr. Peter Lambertucci, Liaison Officer, Royal Canadian Mounted Police (RCMP) telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



26 September 2013 – Mr. Lucas Philippe, Pegawai Perhubungan Polis Perancis telah mengadakan kunjungan hormat ke atas Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara.



SPB YANG DI-PERTUAN AGONG ANUGERAH PINGAT KEPADA 279 POLIS

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Istana Negara, 22 Oktober 2013 – Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, berkenan menganugerahkan Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis kepada seramai 279 orang pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi Sesi 1/2013. Istiadat berlangsung di Balairong Seri, Istana Negara, Jalan Duta, Kuala Lumpur, sempena sambutan Peringatan Hari Polis Ke-206 Tahun 2013.

Mendahului senarai, penerima Panglima Gagah Pasukan Polis (PGPP) dianugerahkan kepada CP Dato' Wira Ayub Yaacob, Pengarah Jabatan Pencegahan dan Pembanterasan Jenayah (JPPJ).

Manakala penerima anugerah PGPP secara Kehormat, dianugerahkan kepada Pol. Gen Drs. Timur Prodopo, Ketua Polis Republik Indonesia, Pol. Let. Gen. Pisit Pisuthsak, Komisioner Wilayah Kesembilan Thailand dan Komisioner Polis Diraja Brunei (B), Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato' Paduka Haji Hasrin Dato' Paduka Haji Sabtu.

Seramai 30 pegawai dikurniakan Darjah Panglima Setia Pasukan Polis (PSPP). Di antaranya SAC Dato' Isa Munir, SAC Hassanuddin Hassan, ACP Awang Besar Dullah dan ACP Ramli Mohamed Yoosuf.



Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis (PPP) dianugerahkan kepada 52 pegawai, antara penerimanya adalah Supt. Haji Ibrahim Haji Abu Bakar, Supt. Zahari Mohd Yusoff, DSP Hasnan Karim, DSP Mak Pak Chuai, ASP Lee Yeng Wan dan ASP Ting Sing Lai.

Kesatria Pasukan Polis (KPP) dianugerahkan kepada 13 pegawai, antara penerimanya Insp. Amarthalingsam Doraisamy, Insp. Sheila Govinda Nair, Insp. Mazlan Mohd Noor dan Insp. Noor Sita Kholin.

Manakala seramai 174 anggota menerima Bentara Pasukan Polis (BPP), antaranya S/Insp. Ajin Bunchol, S/Insp. Ng Swee Min, S/Insp. Ahmad Murad Mohd Yatim, S/Insp. Mohamad Tahir Ismail, SM Ragunanthan Rajoo, SM Betong @ Jineh Joe, SM Baharin Muhamram, Sjn. Likup Bayang, Sjn. Haslizam Ahmat, Sjn. Norehan Zamri, Kpl. Peter Gatey dan L/Kpl. Sabrom Husin.

Seramai 6 orang menerima Pingat Keberanian Polis (PKP), iaitu Sjn. R. Subramaniam Rajagopal, Sjn. Abu Bakar Wagio, Sjn. Jaafar Long, Sjn. Nor Azlan Abu Bakar, Allahyarham Sjn Zal-Azri Abd Somad dan L/Kpl. Amat Daud Ibrahim.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah, turut berkenan mencemar duli berangkat ke istiadat yang bersejarah itu.



193 TERIMA PINGAT HARI POLIS KE-206

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Istana Negara, 24 Oktober 2013 – Istiadat Penganugerahan Darjah Kepahlawanan Pasukan Polis Siri 2/2013, telah berlangsung di Balairong Seri, Istana Negara, Jalan Duta, Kuala Lumpur, Istiadat penganugerahan itu diadakan bersempena Peringatan Hari Polis Ke-206 Tahun 2013.

Seramai 193 pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), menerima Darjah dan Pingat itu daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

CP Dato' Hadi Ho Abdullah, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), mendahului senarai dengan dianugerahi Darjah Panglima Gagah Pasukan Polis (PGPP).

Seramai 16 pegawai dianugerahi Panglima Setia Pasukan Polis (PSPP), di antaranya DCP Dato' Abd. Rahim Jaafar, SAC Dato' Zainal Abidin Kasim, SAC Dato' Aidi Ismail, SAC Dato' Rosli Ab. Rahman, SAC Mat Kasim Karim, ACP Tang Ngat Ngoh dan ACP Surina Saad.

Darjah Pahlawan Pasukan Polis (PPP), dianugerahkan kepada 54 pegawai, antaranya Supt. Abdul Samad Salleh, Supt Norzannah Haji Buang, Supt. Suresh Kumar, Supt. Muhamad Zaki Harun, DSP Loh Kooi Lan, DSP Dalbir Singh Tanah Singh, DSP Wan Hamzah Haji Wan Kadir, ASP Che Kueylani Che Ibrahim, ASP Haslah Bachok, ASP Ganesan Muthu dan ASP Mohamed Hamat.

Manakala Darjah Kesatria Pasukan Polis (KPP) dianugerahkan kepada seramai 15 pegawai, antaranya Insp. Amir Saifuddin Ariffin, Insp. Nur Husniza Wee Abdullah, Insp. Robiaton Razali dan Insp. Gunam Resul Gulam Mohammad.

Pingat Bentara Pasukan Polis (BPP), dianugerahkan kepada 107 anggota, antara penerimanya S/Insp. Bajok Saganate, S/Insp. Din

Mohd Nor, S/Insp. Shaiful Kahar L.Kader, S/Insp. Marinah Zanoo, SM Charanjit Singh Baksh Singh, Sjn Por Hong Lee, Sjn. Hum Foong Cheng, Sjn. Abdul Manab Baki, Kpl. Mjlan Samsuri, Kpl. Zaiton Nahar dan Kpl. Niti Kasmalawati Abd. Razak.

Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah, turut mencemar duli berkenan berangkat ke istiadat yang bersejarah itu.

Turut hadir Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri, Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara, CP Dato' Seri Mohamad Fuzi Harun, Pengarah Pasukan Petugas Khas (Operasi/Counter Terrorism), CP Dato' Wira Syed Ismail Syed Azizan, Pengarah JSJK, CP Datuk Wira Mortadza Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM dan SAC Dato' Ramli Haji Din, Setiausaha Polis Diraja Malaysia (SUPM).



Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 13 September 2013 – Mantan Ketua Polis Negara, Tan Sri Datuk Seri Utama Haji Ismail Haji Omar, menerima watikah pelantikan sebagai Duta Besar Malaysia ke Republik Perancis daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billah Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah. Istiadat pengurniaan watikah pelantikan itu berlangsung di Dewan Singgahsana Kecil, Istana Negara, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

“Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan Malaysia yang telah memilih seterusnya melantik saya sebagai Duta Besar Malaysia ke Republik Perancis. Saya akan berusaha mempertingkat dan mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara yang telah sedia terjalin”, ujar Tan Sri Datuk Seri Utama Haji Ismail ketika ditemui selepas istiadat itu. Beliau ditemani isterinya Puan Sri Datin Seri Utama Hajah Suriati Haji Md. Sobri.

“Kepercayaan dan tanggungjawab yang diberikan kepada saya amatlah berat, pengalaman sebagai Ketua Polis Negara akan digunakan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai Duta demi kebaikan negara Malaysia dan Perancis”, kata Tan Sri Datuk Seri Utama Haji Ismail, di istiadat yang turut dihadiri oleh Dato' Sri Anifah Haji Aman, Menteri Luar Negeri.

Turut mencemar duli Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah.



**TAN SRI
DATUK
SERI
UTAMA
HJ. ISMAIL
DILANTIK
SEBAGAI
DUTA BESAR
MALAYSIA
KE REPUBLIK
PERANCIS**





CABARAN PASUKAN PASUKAN PETUGAS KHAS (OPERASI/COUNTER TERRORISM) JPPK, DALAM MEMELIHARA KESELAMATAN NEGARA DI SUDUT ANCAMAN KEGANASAN

Oleh : SAC Dato' Ayob Khan Mydin Pitchay

Pasukan Petugas Khas (Operasi / Counter Terrorism) (JPPK) ditubuhkan pada 1 Mac 2009 sebagai satu jabatan khusus bagi menangani ancaman terrorism, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Sebelum penubuhan JPPK, pengumpulan inteligen dan operasi menangani keganasan terletak di bawah satu seksyen dalam Bahagian Inteligen Luar, Cawangan Khas. Sementara kes-kes pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan pula dikendalikan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK). Asas penubuhan jabatan ini adalah bagi memastikan penyiasatan dan operasi ke atas elemen-elemen penganas, pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dapat dijalankan dengan lebih fokus dan efektif. Ini selari dengan hampir semua agensi penguatkuasaan dan inteligen negara-negara luar khususnya Barat dan Eropah yang telah pun menubuhkan jabatan khusus bagi menangani ancaman terrorism dan pembiayaan keganasan.

Keputusan penubuhan jabatan baru ini juga adalah selari dengan ketetapan Resolusi 1267 (Peranan negara-negara ahli dalam memerangi ancaman keganasan) dan Resolusi 1373 (tindak balas terhadap pembiayaan keganasan dan lain-lain kegiatan yang mempunyai hubung kait dengan aktiviti keganasan) serta lain-lain resolusi PBB mengenai langkah-langkah memerangi kegiatan terrorism dan pembiayaan keganasan serta jenayah terancang. Faktor inilah yang mendorong YB

Dato' Abd Rahman Dahlan, Ahli Parlimen dan Wakil Tetap Malaysia di PBB memaklumkan kepada Perhimpunan Agong PBB ke 65 di New York pada 5 Oktober 2010 mengenai penubuhan JPPK bagi membuktikan komitmen Malaysia dalam memerangi keganasan. Pembentangan ini direkodkan sebagai item 107 'Measures to Eliminate International Terrorism'.

Di samping itu, penubuhan jabatan baru ini juga bagi memenuhi keperluan siasatan pembiayaan keganasan di bawah AMLATFA 2001 yang melibatkan siasatan dan perbicaraan terbuka di mana pegawai-pegawai penyiasat yang terlibat perlu memberi keterangan di mahkamah. Kaedah siasatan dan perbicaraan terbuka ini tidak sesuai untuk dikendalikan oleh agensi perisikan. Dalam konteks pengumpulan inteligen, siasatan dan pendakwaan ke atas anasir-anasir militan pula khususnya selepas penguatkuasaan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 atau SOSMA, ianya juga memerlukan satu jabatan khusus bagi



memastikan siasatan ke atas kes-kes melibatkan penganas dapat dijalankan lebih sistematik dan berkesan. Dalam konteks ini, JPPK adalah perintis dalam membuka kertas siasatan, tangkap dan pendakwaan ke atas tiga (3) anasir militan Tandzim Al-Qaeda Malaysia (TAQM) di bawah SOSMA pada 7 Februari 2013.

Perjawatan sedia ada di JPPK yang berjumlah 245 adalah sandaran dari Cawangan Khas, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSN), Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan perjawatan terapung. Walaupun JPPK tidak mempunyai keanggotaan di peringkat kontinen dan daerah namun ia mampu berfungsi dengan efektif sejak penubuhannya. Ini kerana hampir 95% daripada kejayaan dalam menangani ancaman penganas sama ada dalam mahupun luar negara adalah hasil daripada perancangan operasi dari Bukit Aman dan 'leads intelligence' dari agensi perisikan asing.

Dalam konteks menangani ancaman penganas yang bersifat rentas sempadan dan global, aspek kerjasama dan jaringan kerja dengan agensi penguatkuasaan/inteligen luar amat penting. Sejak operasi pertama yang dilancarkan oleh PDRM ke atas anasir Al-Qaeda pada 1995 lagi, kebanyakan kejayaan pihak polis mengesan dan mengambil tindakan eksekutif ke atas anasir-anasir penganas antarabangsa merupakan hasil siasatan PDRM susulan 'leads intelligence' dari agensi penguatkuasaan dan inteligen luar. Dalam konteks ini, konsep 'need to know basis' kurang relevan tetapi apa yang perlu ditekankan adalah 'need to know basis'. Ini tidak semestinya membolehkan kita berkongsi semua inteligen menangani keganasan dengan agensi luar sebaliknya perlu mengikut kesesuaian dan keperluan dengan menitikberatkan kepentingan negara. Tetapi kita tidak lagi boleh berada dalam kepompong lama dimana kita terlalu fobia dengan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan/inteligen



asing berhubung menangani ancaman keganasan.

Dalam konteks ini sehingga kini, JPPK sudah menjalin hubungan kerja dengan 45 agensi penguatkuasaan dan perisikan asing. Kerjasama ini telah mendapat pengiktiran di peringkat antarabangsa dengan kejayaan-kejayaan dari demikian kejayaan yang dicapai, bukan saja dalam konteks tangkap anasir penganas di Malaysia malah inteligen yang diperolehi oleh JPPK telah berjaya menghalang satu serangan ganas ke atas kepentingan Kerajaan Afghanistan di negara tersebut pada tahun 2010.

Banyak kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh JPPK sejak penubuhannya pada 1 Mac 2009. Dalam masa 4 tahun sahaja JPPK telah berjaya menangkap seramai 105 anasir penganas/militan berbanding hanya 126 anasir-anasir penganas/militan dalam tempoh 8 tahun iaitu Disember 2001 – Februari 2009 sebelum penubuhan JPPK:-



Kumpulan	Sebelum Penubuhan JPPK (2001-2009)	Selepas Penubuhan JPPK (Mac 2009-Sekarang)
Jemaah Islamiah (JI)	100	32
Darul Islam (DI)	16	14
Abu Sayyaf Group (ASG)	7	-
Al-Qaeda	3	25
Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE)	-	7
Babbar Khalsa International (BKI)	-	5
Sindiket Pemalsuan Dokumen dan Penyeludupan Manusia dari China	-	22
JUMLAH	126	105

Kejayaan Membongkar Sel-Sel Militan Al-Qaeda dan Kumpulan Serpihan Jemaah Islamiah dan Lain-lain Kumpulan Keganasan Asing di Malaysia.

Antara kejayaan-kejayaan terbesar JPPK adalah seperti berikut:-

- Tangkap Ketua Sel Tandzim Al-Qaeda Bahagian Asia Tenggara (TAQBAT) pada Julai 2010 yang merupakan bekas pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor. Kejayaan ini diperoleh selepas hampir 3 tahun operasi mengesan dijalankan. Beliau yang merupakan graduan UTM berjaya merekrut hampir 15 anggota baru. Dua (2) daripada anggota TAQBAT yang merupakan bekas penuntut UTM Skudai kini menjalani hukuman penjara di Selatan Thailand kerana didapati bersalah terlibat dalam aktiviti keganasan di negara tersebut;
- Tangkap ke atas tujuh (7) pemimpin klan LTTE yang bersembunyi, mendapatkan bantuan logistik dan sokongan daripada kaum India tempatan di Malaysia sejak Ogos 2009 hingga sekarang;
- Tangkap dua (2) anasir Al-Qaeda warga Yemen pada 9 Oktober 2009. Kedua-dua mereka terlibat dalam merekrut pelajar-pelajar asing di IPTA dan PTS untuk menjadi 'suicide bomber' bagi melancarkan serangan di beberapa negara Arab. Beberapa lagi elemen-elemen daripada sel yang sama dari berbagai warganegara turut dikenal pasti dan diusir ke negara asal;
- Tangkap ke atas 10 anggota sel Al-Qaeda pimpinan Aiman Al Dakkak warganegara Syria di Sungai Cincin, Gombak, Selangor pada 21 Januari 2010. Aiman bertanggungjawab mengendalikan usrah sulit merekrut pelajar-pelajar IPTA/PTS terutama warga asing untuk menganggotai kumpulannya yang memegang ideologi Salafi Jihadi. Anggota-anggota sel ini bertanggungjawab merancang untuk melancarkan serangan ke atas beberapa sasaran di Malaysia;
- Tangkap ke atas seorang warganegara Yemen pada 16 Jun 2010. Beliau merupakan bekas pengawal keselamatan Osama Bin Laden dan terlibat dalam cubaan melancarkan serangan ke atas kedutaan Barat di sebuah negara Timur Tengah;
- Tangkap terhadap lima (5) elemen Babbar Khalsa International (BKI) India di antara Ogos 2011 hingga Jun 2012 yang cuba menjadikan negara ini sebagai tempat persembunyian, mendapat bantuan logistik dan dana. Kesemua mereka dikehendaki oleh



pihak polis India kerana terlibat dalam beberapa siri serangan bom di negara tersebut;

- (g) Tangkapan ke atas 23 wargenegara China yang terlibat dalam sindiket pemalsuan dokumen dan penyeludupan manusia serta disyaki mempunyai hubungan dengan kegiatan keganasan. Semasa ditangkap pada Ogos 2011 mereka memiliki pasport dan kad pengenalan palsu Malaysia, wang tunai RM 60,000.00 dan pasport palsu pelbagai negara ;
- (h) Pada 7 Februari 2013, JPPK juga telah berjaya mengesan aktiviti kumpulan Tandzim Al-Qaeda Malaysia iaitu serpihan Jemaah Islamiah yang dikenalpasti oleh bekas tahanan AKDN 1960. Sel ini berperanan merekrut individu-individu tempatan untuk menyertai kumpulan penggalas. Dua anggota sel ini telah ditangkap di Beirut, Lubnan pada 18 Oktober 2012 dan sementara seorang lagi terbunuh dalam operasi pihak berkuasa Filipina pada 8 Disember 2012 ketika cuba melancarkan serangan berani mati ke atas sebuah Hotel di Davao City, Selatan Filipina;
- (i) JPPK turut terlibat dalam menganjurkan Program Pemulihan Khas untuk tahanan militan dan Program Penerangan Khas untuk keluarga tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960 dengan bantuan tokoh-tokoh agama dari luar JAKIM seperti Allahyarham Prof Dato' Dr Uthman Al Muhammadi, Ustaz Zamian Mat Zain Al Ghari dan lain-lain lagi. Sebanyak 35 program telah dianjurkan sejak Mac 2009 di Perak, Kuala Lumpur, Selangor, Johor, Pahang dan Sabah; dan
- (j) Selain daripada langkah-langkah membanteras ancaman terrorism, JPPK juga turut terlibat dalam tindakan-tindakan di bawah Anti Money Laundering And Terrorist Financing Act (AMLATFA) 2001, sejak Mac 2009 seperti berikut:-

 - 349 kertas siasatan telah dibuka (269 kes disiasat, 26 kes dihadapkan ke mahkamah, 3 kes KIV dan 51 kes NFA/KUS);
 - Bagi perintah pembekuan di bawah sub Seksyen 44(1) AMLATFA 2001 sejumlah RM 349,800,608,78 telah dibeku sejak tahun 2009;
 - Bahagian Siasatan Pengubahan Wang Haram (BSPWH) juga bertanggungjawab menjalankan siasatan ke atas kes menarik perhatian seperti PKFZ, NFC, Invent Q Jaya, Kes Dr. Hamimah, Ops Hamest, Global Ikhwan dan Pecah Amanah MARDEC; dan
 - Sebanyak 23 Kertas Siasatan berhubung aktiviti pembiayaan keganasan turut dibuka;



Kejayaan JPPK telah mendapat pengiktirafan daripada pihak berkuasa dan pucuk pimpinan agensi-agensi penguatkuasaan dan inteligen di peringkat antarabangsa. Selain dari penghargaan seperti di atas, JPPK turut menerima penghargaan dan pengiktirafan dari agensi dan tokoh-tokoh penting luar negara seperti berikut:-

- (a) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di mana seorang pegawai JPPK telah dijemput membentangkan kertas kerja kejayaan Malaysia dalam menangani ancaman terrorism di New York pada 23 Jun 2010. Kejayaan kita telah mendapat pengiktirafan oleh pihak PBB terutamanya daripada Mr Richard Barret, UN Coordinator for Al Qaeda / Taliban Sanction Monitoring Team;
- (b) Pegawai-pegawai JPPK turut dijemput oleh agensi penguatkuasaan/inteligen luar, institut penyelidikan keselamatan dan universiti-universiti luar untuk membentangkan kertas kerja, sebagai ahli panel atau memberi taklimat keselamatan seperti berikut-

 - (i) International Law Enforcement Academy, Bangkok;
 - (ii) German-Southeast Asian Center of Excellence for Public Policy and Good Governance (CPG), Institute of Thammasat University and Universities of Frankfurt am Main, Muenster and Paris;
 - (iii) Science and Technology Research Institute of Defence (STRIDE);
 - (iv) Rajaratnam School of International Security Studies, Nanyang University, Singapore;
 - (v) Religious Rehabilitation Group (RRG), Singapore
 - (vi) The Soufan Group, University of Qatar International Security Studies

JPPK yang telah beroperasi hampir lima tahun ternyata telah berjaya menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan dengan jayanya. Statistik tangkapan dan pengiktirafan yang diterima sama ada dari dalam dan luar negara yang dipaparkan membuktikan fakta ini. JPPK mampu berkembang dan terus menyerlah sekiranya diperkemaskan dan diperkuatkukan lagi.

Sejarah PDRM sendiri membuktikan ianya terus berkembang selari dengan keperluan dan trend ancaman semasa kerana pada asalnya PDRM hanya terdiri dari empat jabatan sahaja. Kita juga perlu melihat ancaman keganasan dalam jangka panjang yang lebih kompleks. Jika dilihat diperingkat antarabangsa semua negara-negara telah menubuhkan jabatan khusus dalam menangani ancaman keganasan. Ini membuktikan betapa pentingnya agensi penguatkuasaan mempunyai jabatan khusus dalam menangani ancaman keganasan.



Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Putrajaya, 29 Ogos 2013 - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengumumkan terdapat 49 kumpulan kongsi gelap dikesan di seluruh negara. Namun hanya tiga pertubuhan kongsi gelap iaitu Geng 04, Geng 08 dan Geng 36 dikesan sebagai kumpulan samseng paling berbahaya kerana didapati menjalankan pelbagai jenis jenayah berat dan memudaratkan ketenteraman awam.

Geng 36 yang majoriti ahlinya daripada kaum Cina mempunyai 8,512 ahli dan bergerak aktif di sekitar Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor dan Kuala Lumpur.

Manakala Geng 04 dan Geng 08 yang mempunyai jumlah ahli masing-masing 5,240 orang dan 4,423 orang yang dianggotai kaum India dikesan aktif melakukan jenayah di sekitar Kedah, Pulau Pinang, Johor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Melaka.

"Terdapat seramai 40,313 orang direkodkan ahli kumpulan di seluruh negara yang bergerak secara aktif dalam 49 pertubuhan kongsi gelap itu yang menjalankan kegiatan seperti pengedaran dadah, memeras ugut, menimbulkan pergaduhan antara pertubuhan kongsi gelap dan huru-hura. Selain itu, mereka juga melakukan pembunuhan dengan menggunakan senjata api atau barang-barang tajam seperti parang, pisau dan kuku kambing".

"Daripada pecahan kaum, orang India paling banyak menyertai kongsi gelap iaitu 28,926 orang diikuti kaum Cina 8,214 orang dan Melayu 1,923 orang. Kaum Melayu kebanyakannya menganggotai Geng Double 7, Tiga Line dan Geng 30 yang dikesan bergiat aktif di seluruh Semenanjung Malaysia. Manakala terdapat 21 pertubuhan kongsi gelap di Sabah dan Sarawak yang masing-masing mempunyai ahli seramai 329 dan 921 orang.

Demikian kata Dato' Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri (KSU KDN), ketika



49 KONGSI GELAP BERGIAT DI SELURUH NEGARA

mengadakan sidang akbar Op Cantas Khas di pejabatnya di Putrajaya. Turut hadir SAC Dato' Abdul Jalil Hassan, Ketua Penolong Pengarah D7, Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bukit Aman.

Menurut Dato' Seri Abdul Rahim lagi, semua kumpulan tersebut dikategorikan haram mengikut Seksyen 5 (1) Akta Pertubuhan 1966.

"Menerusi pengisytiharan itu, mana-mana individu atau pihak lain tidak boleh menggunakan semula nama berkenaan untuk didaftarkan sebagai pertubuhan dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dan segala akaun, aset dan harta pertubuhan kongsi gelap itu akan diserahkan kepada Jabatan Insolvensi sekiranya ditahan", ujar Dato' Abdul Rahim, bahawa tindakan tegas akan diambil oleh pihak berkuasa terhadap kumpulan tersebut.

"Mereka yang bertanggungjawab menjalankan apa-apa aktiviti pertubuhan kongsi gelap akan disiasat dan dihadwa di mahkamah kerana melakukan kesalahan di bawah Akta 335 sebagai contoh seksyen 6 (2) dan 6 (3), seksyen 42 dan seksyen 48 Akta Pertubuhan 1966 serta seksyen 142 Kanun Kesakaan".

"Pada masa sama, tiada seorang pun yang boleh menggunakan semula tulisan, senarai anggota, panji atau tanda bagi berhubung dengan sesuatu pertubuhan kerana menyalahi undang-undang berdasarkan kepada peruntukan seksyen 52 (3) Akta Pertubuhan 1966", kata Dato' Seri Abdul Rahim sambil menekankan bahawa agensi di bawah KDN akan bekerjasama memperhebatkan usaha memerangi kegiatan kongsi gelap di seluruh negara tanpa mengira kaum atau warna kulit.





KENALI LOGO KONGSI GELAP



GENG 36



GENG 18 / 04



BENDERA 08

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Bukit Aman, 30 Ogos 2013 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendedahkan logo, lambang serta tatu yang digunakan oleh kumpulan kongsi gelap untuk dikenali oleh masyarakat di negara ini.

Pendedahan itu dibuat agar orang ramai dapat mengenali tanda-tanda yang digunakan oleh kumpulan kongsi gelap terbabit, sekali gus menghindari kumpulan haram itu.

Orang ramai dinasihatkan sekiranya memiliki atau mempunyai logo-logo kumpulan tersebut sama ada di rumah, pada kenderaan atau di badan mereka supaya segera dihapuskan dengan apa cara sekali pun.

"Buat masa ini, pihak polis juga akan memberi pendedahan kepada mereka yang belum mengetahui mengenai undang-undang ini kerana orang ramai yang cuba menyertai kumpulan terbabit boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 52 (3) Akta Pertubuhan 1966".

"Tiga kumpulan kongsi gelap iaitu Geng 36, Geng 04, dan Geng 08 dikesan sebagai kumpulan samseng paling berbahaya daripada 49 kongsi gelap di seluruh negara. Kumpulan itu didapati menjalankan pelbagai jenis jenayah berat dan kegiatan yang memudaratkan ketenteraman awam".

Demikian kata SAC Dato' Abdul Jalil Hassan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7), Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, ketika mengadakan sidang akhbar.

Mengulas mengenai penggunaan logo-logo terbabit dalam majlis-majlis tertentu termasuk upacara pengkbumian, Dato' Abdul Jalil berkata, pihaknya boleh mengambil tindakan atas perbuatan itu namun akan menasihati penganjur terlebih dahulu.


"Sebagai contoh dalam upacara pengebumian seseorang yang beragama Hindu, kita perlu berbincang dengan penganjur atau pertubuhan Hindu Sanggam samaada penggunaan logo perlu dalam majlis tersebut," ujar Dato' Abdul Jalil sambil menasihati orang ramai agar tidak menyertai sebarang kumpulan kongsi gelap dan segera melaporkan kepada pihak polis sekiranya terdapat kegiatan kongsi gelap di kawasan masing-masing.



GENG HAI SAN



OTAI



ATAP



TIGA LINE



GENG 3821



BORNEO RED EMPIRE



GENG SATU HATI



GENG SIO SAM ONG



GENG WAH KEE



GENG 24



DOUBLE 7



GENG 35



PENJENAYAH BERPUTIH MATA



Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Bukit Aman, 21 Oktober 2013 - Kegiatan satu sindiket yang menjadikan sebuah gudang terpencil sebagai makmal pemprosesan dadah untuk pasaran tempatan dan luar negara di Kampung Padang Jawa, Klang berputih mata kerana telah berjaya dibongkar hasil serbuan sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman di premis tersebut.

Datuk Noor Rashid Ibrahim, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik ketika media berkata, hasil serbuan tersebut, polis telah merampas peralatan memasak serta bahan-bahan cecair dan kimia dipercayai syabu seberat 89.32 kilogram yang bernilai RM17.9 juta. Dalam serbuan kira-kira pukul 8.30 malam itu, sepasukan anggota dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman turut berjaya memberkas 4 lelaki, 2 warga tempatan berketurunan India dan Sikh, termasuk 2 warga Iran yang sedang leka memproses dadah berkenaan.

Siasatan mendapati dua suspek warga Iran itu disyaki memiliki kepakaran untuk memproses dadah sementara dua warga tempatan pula hanya menjadi individu yang berperanan mencari tempat pemprosesan, pasaran dan menghantar bekalan. "Kita percaya dadah itu diproses untuk bekalan pasaran tempatan dan negara jiran serta makmal tersebut baru sahaja beroperasi berdasarkan risikan dan pemantauan yang dilakukan sekitar premis", ujar Datuk Noor Rashid Ibrahim ketika sidang media di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Beliau percaya penggunaan lokasi terpencil seperti itu adalah taktik baharu sindiket dadah untuk mengelakkan daripada dikesan pihak berkuasa namun hasil kerjasama maklumat orang awam kegiatan haram berkenaan dapat ditumpaskan. Kita tidak menafikan bahan-bahan memproses dadah ini sememangnya ada di negara ini namun direkodkan sebagai bahan larangan dan hanya yang memiliki lesen sahaja boleh membelinya.

Polis tidak menemukan sebarang dokumen pembelian di dalam premis itu namun akan menyiasat sehingga ke akar umbi sekiranya ada pihak lain yang terlibat bekerjasama dengan sindiket ini. Sehubungan itu, Datuk Noor Rashid Ibrahim berkata, kesemua suspek berusia antara 23 hingga 34 tahun tersebut direman seminggu untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 kerana mengedar dadah.





SEMAT SEMANGAT PAHLAWAN DEMI NEGARA TERCINTA

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Tanggal 31 Julai merupakan tarikh keramat bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana tarikh keramat itu adalah tanda penghargaan dan memperingati pengorbanan pahlawan negara. Sambutan Hari Pahlawan diraikan setiap tahun secara bergilir-gilir sejak tahun 1968 antara PDRM dan ATM, pada tahun ini PDRM sebagai tuan rumah.

Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, dalam perutusannya sempena sambutan Hari Pahlawan 2013, meminta masyarakat terus menghayati semangat dan perjuangan yang ditunjukkan oleh para pahlawan tanah air.

Berikut adalah antara inti pati perutusan Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, sempena sambutan Hari Pahlawan 2013.



Hari Pahlawan atau dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai 'Heroes Day' atau 'Warriors Day'.

Negara-negara lain di seluruh dunia turut menyambutnya walaupun berbeza tarikh dan secara tradisinya kemuncak sambutan diadakan di Tugu Peringatan Negara, Kuala Lumpur. Namun mulai tahun 2010, sambutannya berpindah ke Dataran Merdeka, Kuala Lumpur sehingga kali ini.

Sambutan Hari Pahlawan sebenarnya sudah bermula, di mana pada 26 Julai 2013, khutbah Jumaat khas Hari Pahlawan diadakan di Masjid Negara dan pada 30 Julai majlis berbuka puasa, bacaan Yasin, tahlil dan doa selamat juga di Masjid Negara, dihadiri Seri Paduka Baginda Yang di- Pertuan Agong, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan pembesar-pembesar negara serta kepimpinan dan anggota PDRM dan ATM.

Pada 31 Julai, kemuncak acara iaitu istiadat perbarisan di Dataran Merdeka dengan kehadiran Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri Malaysia, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Menteri Pertahanan, Menteri Dalam Negeri, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Polis Negara, pegawai-pegawai kanan polis dan tentera, diplomat-diplomat dan kedutaan serta orang ramai.

Tujuan sambutan ini bagi mengenang jasa para pejuang dan pahlawan negara yang sanggup melakukan pengorbanan tertinggi

demikian kedaulatan negara tercinta iaitu pengorbanan jiwa dan raga. Rakyat perlu menghargai pengorbanan para pahlawan kita yang berada di barisan hadapan dalam usaha memerangi pengganas komunis, anasir-anasir subversif serta musuh-musuh negara. Perjuangan terbaru pasukan keselamatan PDRM dan ATM adalah semasa Op Daulat di Lahad Datu dan Semporna, Sabah pada awal bulan Mac lalu.

Sambutan ini juga untuk memperlihatkan kepada generasi kini dan akan datang bahawa kita sentiasa mengenang dan menghargai jasa para pahlawan yang telah terkorban dan juga menghargai pengorbanan mereka yang tercedera dan mengalami kecacatan fizikal yang kekal semasa berjuang di medan juang.

Saya menyeru seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan kepercayaan dalam semangat 1Malaysia, bersatu dan bersama-sama memberi penghargaan yang sewajarnya dalam apa jua bentuk sama ada bantuan atau sokongan, kepada pahlawan-pahlawan negara yang masih ada, atau pun kepada balu-balu, keluarga serta waris-waris yang ditinggalkan mereka.

Sebagai mengiktiraf jasa dan pengorbanan pahlawan negara ini, pelbagai penghargaan dan pingat-pingat kebesaran serta keberanian telah dikurnia serta dianugerah oleh kerajaan kepada para pahlawan seperti pingat Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) yang

merupakan darjah kebesaran tertinggi negara dan pingat keberanian seperti Panglima Gagah Berani (PGB) dan juga pingat Jasa Perkasa Persekutuan (JPP).

Sehingga kini jumlah penerima pingat tersebut adalah SP (7) dan PGB (15), manakala JPP (30). Kerajaan juga sentiasa memberikan sokongan dan bantuan yang sewajarnya kepada ahli keluarga para pahlawan, termasuk anak-anak dan isteri mereka. Dalam erti kata lain, kebijakan para pahlawan negara dan keluarga mereka sentiasa menjadi keutamaan dan perhatian kerajaan, kita tidak pernah melupakan mereka.

Bersempena sambutan Hari Pahlawan tahun ini saya ingin menyeru kepada semua peringkat lapisan rakyat, agar meningkatkan lagi semangat patriotisme iaitu semangat sanggup berkorban demi negara, perlu dipupuk dan disemarakkan sepanjang masa. Kepada para pahlawan yang masih ada, tetapi telah hilang upaya, serta sanak-saudara, pahlawan-pahlawan yang telah kehilangan tempat bergantung diharap agar mereka dapat menempuh ujian dan dugaan hidup dengan penuh ketabahan, kesabaran dan keyakinan.



Kita sentiasa berdoa, agar Allah S.W.T. memberikan rahmat dan hidayah serta kesejahteraan kepada mereka. Bagi para pahlawan yang masih berkhidmat, diharap teruskanlah khidmat bakti yang murni ini.

Ingatlah bahawa harapan masyarakat kepada para anggota pasukan keselamatan adalah cukup tinggi. Sebagai perisai dan pedang negara jalankanlah amanah dan tanggungjawab ini secara yang terbaik sesuai dengan semangat sumpah ikrar yang telah kita lafazkan sebelum ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini menyeru kepada seluruh rakyat Malaysia, agar mempertingkatkan lagi semangat kepahlawanan, patriotisme, kesetiaan, kecintaan dan sanggup berkorban untuk negara yang tercinta ini.

Marilah kita berdoa kehadrat Allah S.W.T. semoga negara kita

sentiasa dicucuri limpah kurnia dan rahmat-Nya yang berkekalan.

Selamat menyambut Hari Pahlawan.





KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI PAHLAWAN 2013

Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Kuala Lumpur, 31 Julai 2013 - Setiap negara mempunyai sejarah dalam membangun dan mempertahankan tamadun yang diwarisi dari generasi ke generasi dengan menempuh pelbagai rintangan dan peristiwa. Pengorbanan dan perjuangan adalah satu-satunya cara untuk mempertahankan hak kewujudan sebuah negara dan bangsa yang merdeka. Begitu juga dengan pembangunan dan permodenan negara, kenikmatan yang dikenai kini adalah hasil keringat dan darah para pahlawan yang mempertaruhkan nyawa demi kedaulatan negara.

Sebagai generasi yang tahu mengenang budi dan bagi mengingati kembali perit jerih erti perjuangan para pahlawan negara yang telah banyak berkorban demi kemakmuran negara, maka tanggal 31 Julai setiap tahun sempena tamatnya darurat menentang komunis

pada tahun 1960 telah dijadikan Hari Pahlawan.

Istiadat Sambutan Hari Pahlawan 2013 tersebut merupakan kali ketiga diadakan di Dataran Merdeka, pada kebiasaannya ianya disambut di Tugu Negara. Tarikh ini adalah sebagai tanda memperingati, menginsafi dan memperakui betapa dahsyatnya kesan perperangan kepada manusia dan khasnya kepada rakyat Malaysia. Polis Diraja Malaysia (PDRM), selaku pengangur pada tahun ini dengan kerjasama dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menyempurnakan upacara istiadat tersebut dengan jayanya.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasim Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah berangkat mencemar duli menyaksikan Istiadat Sambutan Hari Pahlawan Tahun 2013. Sambutan Istiadat



Hari Pahlawan ini dimula dengan Seri Paduka Baginda membuat Pemeriksaan Perbarisan Kawalan Kehormatan Utama. Seterusnya deklamasi sajak dan juga menyaksikan persembahan pentomin oleh 200 anggota Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia mengenai sejarah pejuang-pejuang negara termasuk Peristiwa Pencerobohan Pengganas di Lahad Datu (OP DAULAT) Berjudul 'Lahad Datu Berdarah'.

Hadir sama, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin Hj. Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, dan Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.





PENTOMIN LAHAD DATU BERDARAH 'SENTUH' HADIRIN

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 31 Julai 2013 – Persembahan pentomin berjodol Lahad Datu Berdarah, dari warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah menyentuh perasaan para hadirin di Istiadat Perbarisan Sambutan Hari Pahlawan 2013, di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

Ramai dikalangan hadirin tidak dapat menahan perasaan sebak lalu menitiskan air mata mengenangkan pengorbanan perajurit negara mempertahankan tanah air yang tercinta sehingga nyawa



sendiri melayang. Pentomin yang memaparkan kejadian pencerobohan pengganas Kiram, di Kg. Tanduo, Lahad Datu, Sabah. Persembahan yang sarat dengan pelbagai aksi ketenteraan tersebut berjaya menarik hadirin menjawai peristiwa yang telah menyebabkan sembilan wira negara terkorban.

Dalam tragedi itu ACP Ibrahim Lebar, ASP Zulkifli Mamat, ASP Michael Padel, Sarjan Sabaruddin Daud, Sarjan Abdul Aziz Sarikon, Sarjan Detektif Baharin Hamit, Koperal Salam Tugiran, Koperal Mohd. Azrul Tukiran dan Prebet Ahmad Hurairah Ismail, telah terkorban.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah berkenan mencemar duli berangkat di istiadat tersebut dan memeriksa barisan Kawalan Kehormatan oleh Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Turut hadir Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan, Dato' Sri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri, Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera dan Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Tangga 31 Ogos - Tarikh keramat yang membawa jutaan makna. Bulan Ogos, bulan kemerdekaan, yang pastinya membuatkan seluruh rakyat Malaysia terkenang akan peristiwa bersejarah yang berlaku 56 tahun lalu apabila Malaysia diisyiharkan sebagai sebuah negara yang merdeka.

Tahun 2013, dengan tema Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku sudah pasti kita sedar bahawa tanggungjawab memelihara kemerdekaan ini bukan terletak dibahu pasukan keselamatan semata-mata, namun hendaklah bersama-sama berganding bahu terutamanya generasi muda.

Rata-rata generasi muda hari ini, lahir selepas merdeka, yang langsung tidak tahu pahit getirnya untuk mencapai kemerdekaan, jadi mereka tidak tahu betapa pentingnya menjaga keharmonian serta memelihara keamanan yang diperjuangkan oleh generasi terdahulu. Kita juga sebenarnya perlu menyambung perjuangan nenek moyang kita untuk 'berperang' tetapi di dalam bentuk yang



berlainan apabila sebahagian kehidupan kita dilengkapkan dengan pelbagai teknologi.

Kecanggihan teknologi hari ini mampu meruntuhkan jati diri generasi muda sekiranya mereka alpa dan lalai, perkara ini menjurus kepada penjajahan minda yang akan menghakisikan semangat patriotik dan nilai-nilai murni cinta akan negara, bumi yang bertuah ini.

Zaman dahulu perang yang berlaku memang kita boleh lihat secara zahir tetapi kini lebih bahaya kerana secara senyap dan tanpa




disedari generasi muda hari ini minda mereka dijahah. Budaya sendiri semakin terhakis, budaya orang timur semakin hilang. Budaya asing diajungkan.

Didikan dan kesedaran di peringkat awal amatlah penting. Lihatkan negara yang dahulunya kaya dan aman, hari ini apa telah jadi? tidak guna melaungkan merdeka berkali-kali sekiranya tidak faham erti di sebalik ungkapan keramat itu.

Sambutan Hari Kemerdekaan Ke 56, yang diadakan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, telah menyaksikan kemegahan dan kesiapsiagaan pasukan keselamatan mempertahankan bumi bertuah ini. Polis Diraja Malaysia (PDRM), turut serta mengambil bahagian dalam perbarisan lintas hormat dan memamerkan sebahagian aset-aset yang dimiliki.

Pengorbanan warga PDRM dalam mempertahankan keamanan dan kedaulatan negara tidak dapat dinilai dengan kata-kata. Semoga generasi hari ini, yang bakal menjadi pewaris di masa hadapan dapat menilai sendiri akan kenikmatan yang dikecapai hasil pengorbanan pejuang terdahulu yang sanggup berkorban sehingga ke titisan darah yang terakhir.

56 TAHUN MALAYSIA MERDEKA




▲ 19 Julai 2013 - Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri Berbuka Puasa Bersama Warga Polis Diraja Malaysia di Masjid Bukit Aman.



▲ 1 September 2013 - Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri PDRM dan ATM di Muzium Diraja (Istana Negara).



▲ 21 Ogos 2013 - Majlis Sambutan Hari Raya Koperasi Polis Diraja Malaysia di Kuala Lumpur International Hotel, Kuala Lumpur.



▲ 2 Ogos 2013 - Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV Almu'tasim Billah Muhibbuddin Tuanku Al Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badilshah mencemar duli untuk bersama-sama menghadiri Majlis Berbuka Puasa Warga Polis Diraja Malaysia di Masjid PULAPOL, Kuala Lumpur.

▲ 31 Ogos 2013 - Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Kementerian Dalam Negeri di Dataran Kawad, PULAPOL, Kuala Lumpur.

▲ 8 Ogos 2013 - Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Ketua Polis Negara di Mess Pegawai Kanan, Bukit Aman.

▲ 30 Julai 2013 - Majlis Berbuka Puasa dan Bacaan Yasin Sempena Hari Pahlawan di Masjid Negara, Kuala Lumpur.

▲ 18 Julai 2013 - Majlis Tahlil dan Berbuka Puasa Sempena Bulan Ramadan di Masjid Bukit Aman.





ATM DAN PDRM PERKUKUHKAN STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN 8 (NBOS 8)

Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Kuala Lumpur, 25 September 2013 - Satu sidang media Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diadakan di Wisma Kementerian Pertahanan (MINDEF) sempena Mesyuarat Peringkat Tertinggi National Blue Ocean Strategy (NBOS) 8, Joint Communications of ATM and PDRM yang telah dipengerusikan secara bersama oleh Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera dan Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.

Mesyuarat tersebut diadakan bagi memantau dan menyelaraskan keperluan inisiatif-inisiatif di bawah program NBOS 8. Di bawah program NBOS ini, ATM dan PDRM menjalankan hubungan rapat dan bekerjasama demi menjaga keselamatan dan kedaulatan negara. Program Remaja Berwawasan merupakan platform baru Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Kementerian Pendidikan. Mesyuarat itu turut menggariskan inisiatif ATM dan PDRM dalam usaha kolaborasi pelaksanaan aktiviti bersama masyarakat.

ATM bersama PDRM melihat program itu memberi kesan positif berdasarkan maklumbalas pelajar yang menyertainya. "Ia akan diperluas selepas melihatnya sebagai inisiatif kerajaan menangani isu masalah disiplin dalam kalangan murid sekolah. Peringkat pertama sudah kita laksanakan yang melibatkan 42 sekolah dan hampir 120 penuntut. Kita akan menambah 28 sekolah lagi menjelang akhir bulan ini di Pulau Pinang, Kedah dan Perak," kata Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera.

"Operasi Daulat" yang diwujudkan khusus untuk memerangi pencerobohan kumpulan pengganas Sulu di Kampung Tanduo merupakan kerjasama tertinggi pernah diadakan di antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kata Panglima ATM Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin. Melalui kerjasama berkenaan, kedua-dua pasukan keselamatan itu serta agensi lain bersama-sama menghadapi kumpulan penceroboh demi mempertahankan kedaulatan negara.

"Hasil daripada kerjasama kami yang erat melalui Strategi Lautan Biru maka kami dapat bekerjasama mempertahankan kedaulatan negara. Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan berkenaan juga telah dikembangkan kepada rondaan bersama PDRM dan ATM bagi menangani kes jenayah jalanan serta latihan bersama yang dikendalikan secara bergilir-gilir", kata Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.

Kerjasama PDRM dan ATM di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan tidak akan terhenti kepada usaha menghadapi ancaman kedaulatan negara malah melampaui konteks rondaan bersama



menangani kes jenayah jalanan di bandar-bandar besar. Rondaan bersama akan ditingkat dan diteruskan. Sekarang ini kita ada rondaan bersama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan akan dilanjutkan di lapangan terbang antarabangsa lain di seluruh negara. Program Remaja Berwawasan merupakan platform baru Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Kementerian Pendidikan. Mesyuarat itu turut menggariskan inisiatif ATM dan PDRM dalam usaha kolaborasi pelaksanaan aktiviti bersama masyarakat.

Turut hadir ketika sidang media tersebut adalah, Jeneral Tan Sri Rodzali Daud, Panglima Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jeneral Datuk Raja Mohamed Noor, Panglima Tentera Darat, dan Lettenan Jeneral Datuk Dr. Abdul Razak Md. Yusoff, Ketua Pengarah Pekhidmatan Kesihatan ATM.



PELANCARAN MS ISO/IEC 17025 DAN PENYERAHAN KENDERAAN FORENSIK PDRM

Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Cheras, 4 September 2013 - MS ISO adalah merupakan standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi mewujudkan sistem pengurusan kualiti dalam sesebuah organisasi bertujuan untuk memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah berkualiti serta memenuhi kehendak pelanggan termasuklah orang ramai.

Dalam konteks ini, PDRM sebagai sebuah agensi awam, juga tidak terkecuali dan perlu melaksanakan MS ISO selaras dengan pekeliling kemajuan pentadbiran awam yang telah dikeluarkan dari masa ke semasa. Bagi memastikan standard siasatan forensik PDRM diiktiraf dan mematuhi sistem pengurusan kualiti, telah berlangsung pelancaran MS ISO/IEC 17025 di Dataran Bangunan Forensik, Maktab PDRM Cheras, hari ini.

Secara umumnya, MS ISO/IEC 17025 ini bertujuan untuk mewujudkan satu sistem pengurusan kualiti makmal yang lebih berkesan, sistematik dan efektif dan untuk lebih spesifik, ia adalah satu pengiktirafan terhadap mutu hasil analisis atau pemeriksaan yang dilakukan oleh Makmal Forensik bagi memastikan analisis yang dijalankan menepati piawaian antarabangsa. Dengan pengiktirafan ini, kualiti analisis Makmal Forensik PDRM lebih diyakini mengikut prosedur yang ditetapkan sekali gus akan meningkatkan imej pasukan daripada aspek penyiasatan jenayah sekaligus meletakkan satu tahap profesional yang tinggi oleh PDRM di dalam memastabatkan keadilan jenayah itu sendiri.

Dalam pada itu, majlis pada hari ini turut menyaksikan upacara penyerahan 18 unit kenderaan forensik kepada unit tersebut di mana harga sebuah kenderaan tersebut adalah lebih kurang RM 142,000 dan nilai keseluruhan bagi 18 buah kenderaan tersebut menghampiri RM 2.57 juta serta harga peralatan CSI bagi kesemua kenderaan tersebut lebih kurang RM 716,000.





1016 TAMAT LATIHAN KOR SUKSIS

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Gombak, 10 September 2013 - Seramai 1,016 mahasiswa dan mahasiswi dari 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), menyertai Perbarisan Tamat Latihan dan Pentaulahan Kor SUKSIS IPTA SeMalaysia Ke-19, di Padang Kawad, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Gombak, Selangor.

Penubuhan Kor SUKSIS bermatlamat melahirkan pegawai Kor SUKSIS yang berpengetahuan dalam bidang undang-undang berkaitan, mempunyai sikap serta amalan disiplin kepolisan yang sesuai dengan budaya pasukan polis dengan IPTA.

Menjalankan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan sebagai Pegawai Kor SUKSIS ke arah mewujudkan kesedaran sivik dan hubungan baik polis dan masyarakat. Dan mempunyai ketahanan fizikal dan mental serta berpersonaliti bersesuaian dengan peranan sebagai pegawai Kor SUKSIS.

Program tersebut memberi tumpuan kepada pembangunan siswa-siswi yang bakal menjadi pemimpin yang berpengetahuan dalam bidang kepolisan supaya mereka yang dilatih itu dapat menguatkuasakan undang-undang dan menjaga keselamatan negara. Program dan latihan serta aktiviti yang dijalankan siswa dan siswi yang menyertai Kor SUKSIS adalah mengikut silibus dan diluluskan Bahagian Latihan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan semua bentuk latihan serta akademik akan dipantau oleh pegawai Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan di IPTA seluruh negara.

Setiap individu dalam Kor SUKSIS yang keluar dari universiti kelak akan tersemat disiplin yang tinggi seiring dengan sistem kepolisan yang telah diajar sepanjang menyertai Kor SUKSIS. "Latihan yang disediakan sepanjang tempoh latihan dapat memberi nilai tambah kepada setiap graduan universiti. Graduan yang pernah menyertai Kor SUKSIS adalah graduan yang kaya dengan pilihan yang ada. Mereka bukan sekadar mempunyai ilmu pengetahuan yang ditimba di universiti tetapi pengalaman di luar skop akademik yang sangat berguna".

"Nilai tambah itu diyakini mampu melahirkan graduan yang peka dan bertautkuat kepada rasa tanggungjawab sosial yang tinggi, berdisiplin, cinta pada keamanan, ketenteraman dan kesejahteraan rakyat dan negara. Perkara itu selari dengan prinsip PDRM".



Demikian kata Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara ketika berucap di majlis perbarisan itu yang turut dihadiri oleh ACP Kor SUKSIS Prof. Dato' Sri Dr. Zaleha Kamaruddin, Rektor International Islamic University of Malaysia (IIUM), merangkap Komandan Kor SUKSIS IIUM.

"Saya percaya dengan pendedahan sistem kepolisan kepada ahli Kor SUKSIS, mereka

yang keluar daripada universiti kelak akan kaya dengan disiplin yang telah ditanam. Seterusnya akan menerapkan sikap positif di persekitaran tempat kerja tidak kira di sektor awam atau swasta", tambah Tan Sri Dato' Sri Khalid dengan harapan agar mereka akan menjadi 'role model' kepada yang lain agar sentiasa menjaga disiplin ke arah membentuk golongan siswa dan siswi yang berjaya dan cemerlang.

Sehingga kini Kor SUKSIS seluruh negara mempunyai keanggotaan seramai 4,572 orang di samping memiliki 100 orang ber pangkat Pegawai Kehormat.



DATUK SERI MOHD BAKRI SAMPAIKAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Oleh : Kpl. Mohamad Wahid Mat Din

Bukit Aman, 23 September 2013 - Senior DCP Dato' Mohamad Salleh, Ketua Polis Kuala Lumpur, mengetuai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2012, yang disampaikan oleh Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara, di Mes Pegawai Kanan, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur.

"Setiap penerima APC adalah layak menerima Sijil Penghargaan, Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional yang bernilai RM1,000 serta berpeluang dicalonkan sebagai penerima Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri".

"Saya menasihatkan penerima APC, supaya menyambung dan meneruskan pencapaian cemerlang masing-masing dan saya yakin tugas cemerlang ini akan menjadi contoh serta dorongan kepada rakan-rakan untuk mempertingkatkan diri, kerja dan pasukan", kata Datuk Seri Mohd Bakri ketika berucap di majlis yang turut dihadiri oleh CP Datuk Wira Mortadza Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM.

Seramai 9,838 pegawai, anggota dan kakitangan awam, Polis Diraja Malaysia, menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), berdasarkan rekod pencapaian cemerlang sepanjang tahun 2012.





K9 TUNJUK AKSI

Oleh : Premaraj Amirthalingam (Pelatih Unisel)

Kuala Lumpur, 29 Oktober 2013 – Satu pertunjukan khas dari Unit K9 telah diadakan di Pusat Latihan Polis, (PULAPOL) Kuala Lumpur. Pertunjukan khas ini diadakan bagi mendedahkan fungsi sebenar Unit K9 dalam menyiasat dan menyelesaikan sesuatu kes.

Unit K9 ini ditubuhkan dalam PDRM iaitu pada 11 Ogos 1964 dan kini mempunyai 21 Seksyen Unit K9 di seluruh negara dengan pangkalan utama serta Pusat Latihan K9 di kompleks PULAPOL, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Bahagian Unit K9 ini ditempatkan di bawah pentadbiran dan kawalan Bahagian Bantuan Teknik (D6), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman. Fungsi utama atau motifnya adalah untuk mengesan jejak penjenayah, mencari bahan-bahan bukti bagi mengukuhkan dan mempercepatkan penyiasatan.

Unit K9 ini dianggotai seramai 167 Pegawai dan Anggota. Setakat ini, PDRM memiliki 88 anjing jenis German Shepherd, 1 Belgian Shepherd, 54 Labrador, 1 Border Collie dan seekor anjing jenis Weimaraner yang ditempatkan di 21 formasi di seluruh negara.

Anjing-anjing Unit K9 mampu menjalankan pelbagai tugas khususnya dalam mengesan penjenayah, dadah, senjata api, bahan letupan dan berkebolehan untuk mengesan mayat sama ada yang ditanam atau tenggelam di dalam air. Dengan bantuan anggota Unit K9 dan anjing-anjing yang terlatih akan lebih mudahkan dan mempercepatkan lagi siasatan polis.

Buat pertama kali dalam sejarah PDRM, seorang anggota polis wanita iaitu Koperal Hilda Ak Wilson Gunong berjaya menamatkan Kursus Asas Pemegang Anjing.



Anjing yang telah menjalani latihan selama 4 bulan di IPD Sepang itu berjenama Labrador dan namanya adalah Da Hei. Kpl Hilda yang berusia 29 tahun, telah lama menunggu peluang keemasan ini iaitu untuk menyertai Unit K9 dan akhirnya beliau berjaya menjadi salah seorang anggota Unit K9.

Turut hadir ACP Ibrahim Chin Ketua Penolong Pengarah Bantuan Teknik (D6), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman dan Supt Ivan Christie Jeremiah.



GUNA SCRAMBLER PANTAU JENAYAH

Oleh : Kpl Aslam Syir Khan

Kuala Lumpur, 19 September 2013 – Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyuntik satu lagi elemen baharu dalam Operasi Cantas Khas bagi memantapkan usaha memerangi jenayah dengan memperkenalkan operasi menggunakan motosikal jenis scrambler di lokasi panas di Lembah Klang.

Anggota Polis yang memakai pakaian operasi lengkap bersenjata seperti Unit Tindak Khas (UTK) itu akan menjalankan rondaan di lorong-lorong yang sukar dimasuki oleh kenderaan lain di Ibu Negara dan Selangor mengikut dua fasa.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, Dato' Abd Jalil Hassan berkata, dua anggota polis yang masing-masing menunggang sebuah scrambler akan mulakan tugas membuat rondaan bermula pukul 8 hingga 10 pagi dan 3 petang hingga 7 malam.

Beliau berkata, dua fasa masa yang dipilih itu merupakan waktu puncak iaitu ketika orang ramai sedang sibuk mahu ke tempat kerja atau menjalankan urusan dan pulang ke rumah.

Idea memperkenalkan kaedah baharu membuat rondaan menggunakan scrambler ini dicadangkan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara dan Dato' Seri Dr. Ahmad Zaid Hamidi, Menteri Dalam Negeri.

Penuhan unit rondaan dengan menggunakan motosikal scrambler ini dapat memberi keyakinan kepada masyarakat yang tinggal di lokasi panas terutamanya di Ibu Negara bahawa tahap keselamatan mereka adalah terjamin.

Dato' Abd Jalil Hassan yakin unit rondaan scrambler berkesan membantu mencegah jenayah kerana boleh bertindak pantas iaitu memberi maklum balas kurang daripada 10 minit selepas memberi maklumat mengenai sesuatu kejadian.





MENGARAK PANJI-PANJI YANG DI-PERTUAN AGONG

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Kuala Lumpur, 8 Jun 2013 -Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, berkenan mencemar duli berangkat ke Istiadat Mengarak Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong, yang merupakan simbolik ikrar taat setia Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, selaku pemerintah tertinggi pasukan keselamatan negara.

Istiadat sempena sambutan Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong itu berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur dan turut diserikan dengan keberangkatan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah.

Pasangan diraja itu tiba tepat pukul 9 pagi dan disambut dengan lagu Negaraku diikuti 21 das tembakan meriam yang disempurnakan Rejimen Artileri Diraja, sebaik sahaja menaiki pentas Diraja.

Seri Paduka Baginda, turut memeriksa barisan Kawalan Kehormatan, terdiri daripada 22 pegawai dan 540 anggota lain-lain pangkat yang diketuai Pegawai Memerintah Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja, Lettenan Kolonel Mohd. Rosli Abu Bakar.

Gabungan pancaragam pusat ATM seterusnya memulakan upacara Membuka Medan mengarak Panji-Panji dengan perbarisan berjalan lalu dalam rentak perlahan dan cepat jalan.

Istiadat diteruskan dengan upacara lintas hormat lima helikopter milik ATM diketuai Mejai Tengku Ahmad Shaiful Tengku Muhammad yang membawa bendera Malaysia, ATM, Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di ruang udara dengan megahnya.

Ikrar taat setia dengan laungan Daulat Tuanku sebanyak tiga kali oleh anggota perbarisan bergema pada penghujung istiadat mengarak Panji-Panji itu.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sekali lagi menerima tabik hormat daripada barisan Kawalan Kehormatan disertai terbang lintas hormat lima buah helikopter ATM terdiri daripada Nuri milik TUDM dan Agusta A-109 LOH (TDM) serta sebuah helikopter Fennec TLDM.

Panji-Panji dikelilingi dua karangan padi dengan lambang di penjuru kiri atas menunjukkan Perkhidmatan manakala Rakaman Penghormatan Tempur disulam di kiri dan kanan Lambang Diraja.

Panji-Panji merupakan penghormatan negara yang dianugerahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada rejimen atau kor ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM. Panji-Panji yang diarak adalah Panji-Panji Rejimen Askar Melayu Diraja yang dianugerahkan pada 23 Mac 1963, Rejimen Renjer Diraja pada 3 Mac 1992, Kor Armor Diraja pada 23 Mac 1963 dan



TLDM pada 12 Mac 1966 serta Panji-Panji TUDM yang dianugerahkan pada 14 Mac 1967.

Antara yang hadir adalah Dato' Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan isteri, Datin Sri Rosmah Mansor, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri Pertahanan, dan isteri, Datin Sri Tengku Marsilla Tengku Abdullah.

Hadir sama Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd. Zin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia dan Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zin, Timbalan Ketua Polis Negara.





PDRM DAN PETRON

Oleh: L/Kpl. Sufian Arsad

Kuala Lumpur, 14 September 2013 – Stesen minyak Petron Malaysia bakal menjadi lokasi pilihan dalam usaha Polis Diraja Malaysia (PDRM) mencegah jenayah dan memberi bantuan awal kepada orang awam menerusi Kempen 1Aman, Pergi Ke Tempat Selamat.

Menerusi kerjasama ini, orang awam yang berdepan dengan jenayah, misalnya menjadi mangsa saman atau rugut disarankan terus ke stesen minyak Petron berdekatan bagi mendapatkan bantuan atau menyelamatkan diri.

Rangkaian kedai serbaneka 7-Eleven dan pejabat cawangan Pos Malaysia Berhad menjadi perintis projek berkenaan. Kerjasama bersama Petron Malaysia telah dilancarkan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara di Stesen Minyak Petron, Jalan Kuchai Lama bagi kawasan Lembah Klang sebelum dilaksanakan secara berperingkat di semua stesen minyak berkenaan di seluruh negara.

Semua kakitangan syarikat itu akan diberi latihan untuk berurus dengan orang awam ketika kecemasan. Latihan akan diberikan oleh PDRM agar kakitangan yang bertugas di stesen itu dapat memberi bantuan awal kepada mangsa merangkumi aspek mempertahankan diri, tangkapan, laporan polis dan rangkaian yang boleh dihubungi. Mereka juga boleh memberi bantuan dari segi emosi dengan menenangkan mangsa yang mungkin trauma kerana baru sahaja berdepan dengan penjenayah.



TAMBAH PEGAWAI POLIS WANITA PEMBUAT KEPUTUSAN

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

S Shah Alam, 24 September 2013 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang merancang menambah bilangan pegawai polis wanita dalam kategori jawatan pembuat keputusan bagi mengiktiraf kemampuan dan prestasi cemerlang golongan itu dalam melaksanakan tugas.

Kata Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara, penambahan bilangan pegawai polis wanita berpangkat Superintendant ke atas itu turut mengambil kira kehendak dan keperluan semasa pasukan polis.

Pada masa ini, PDRM mempunyai 60 orang atau 7.4 peratus pegawai polis wanita dalam kategori jawatan pembuat keputusan iaitu dua orang berpangkat Deputi Komisioner (DCP), lapan orang Senior Asisten Komisioner (SAC), 14 orang Asisten Komisioner (ACP) dan 36 orang Superintendant (Supt).

Kata Datuk Seri Mohd Bakri lagi, kekuatan tersebut termasuk kenaikan pangkat dua pegawai kanan polis wanita baru-baru ini iaitu Deputi Komisioner Dato' Zaleha Abdul Rahman sebagai Timbalan Ketua Polis Kedah dan Asisten Komisioner Dr. Lee Bee Phang, yang menjawat jawatan Pengarah Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

"Setelah sekian lama peranan yang dimainkan oleh polis wanita terhadap kemampuan pasukan dan negara, memang tidak dinafikan perkhidmatan mereka sangat penting dan signifikan kepada kecemerlangan PDRM".

"Bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan mereka, pucuk pimpinan sedang memberi perhatian dan kerjasama berhubung isu pengambilan dan kemajuan kerjaya polis wanita".

Demikian kata Datuk Seri Mohd Bakri, ketika membacakan teks ucapan Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, ketika perasmian Seminar Polis Wanita 2013, di Hotel Concorde, Shah Alam, Selangor.

Menurut Datuk Seri Mohd Bakri, PDRM juga menambah bilangan anggota polis wanita dari semasa ke semasa mengikut keperluan.



Ketika ini kekuatan polis wanita adalah seramai 11,523 atau 10.4 peratus daripada keseluruhan kekuatan dalam PDRM.

Turut hadir di majlis itu adalah Dr. Harjit Singh, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta CP Datuk Wira Mortadza Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM dan DCP Dato' Zubaidah Md. Ismail, Timbalan Pengarah (I), Jabatan Logistik PDRM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Pengurusan Polis Wanita, PDRM.



AMANITA DEKATI SURIRUMAH

Oleh : Kpl. Noorlidia Mamun

Kuala Lumpur, 14 September 2013 - Polis Diraja Malaysia telah melantik seramai 167 pegawai dan anggota polis wanita dan menubuhkan Aman Wanita (Amanita) bertujuan mendekati masyarakat khususnya golongan surirumah bagi mengenal pasti jenayah yang sering terjadi di tempat mereka untuk dicegah bersama.

Pegawai dan anggota yang dipilih khas itu diyakini mampu menjayakan misi pasukan yang dilaksanakan di bawah pelan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Sejak fasa pertama pelaksanaannya, masyarakat belum memahami peranan pasukan tersebut yang ditugaskan bagi mendapatkan maklumat tentang kegiatan jenayah yang tidak dilapor dalam kalangan masyarakat. Ini kerana surirumah banyak mengetahui maklumat yang dikongsi sesama mereka melalui 'mesyuarat tingkap'. Kadangkala ada maklumat jenayah yang mereka tahu daripada mulut kemulut tetapi tidak dilaporkan atas sebab-sebab tertentu".

"Mereka yang dilantik oleh Ketua Polis Negeri dan Ketua Polis Daerah masing-masing akan menjadi lebih produktif kerana selain melaksanakan tugas hakiki mereka sendiri di cawangan masing-masing, mereka turut melakukan tugas lain seperti berinteraksi dengan masyarakat terutama surirumah bagi mendapatkan maklumat kegiatan jenayah di samping menjadi sahabat kepada golongan surirumah".

Demikian kata ACP S. Sasikala Dewi, Ketua Inisiatif Amanita yang juga Ketua Penolong Pengarah Undang-Undang dan Pendakwaan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN), Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Menurut ACP S. Sasikala lagi, pada peringkat permulaan Amanita akan aktif menyertai aktiviti persatuan penduduk atau Rukun Tetangga di Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang supaya penduduk dapat mengenali dan memahami peranan Amanita.

Amanita dirasmikan oleh Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar Ketua Polis Negara di stesen minyak Petron, Jalan Kuchai Lama, Kuala Lumpur.



DATO' A. THAIVEEGAN HARGAI PELAJAR

Kulim, 28 Oktober 2013 - jam 3.30 petang bertempat di sekolah Rendah Tamil, Kulim, Kedah, Timbalan Ketua Polis Pulau Pinang, YDH DCP Dato A. Thaiveegan telah menghadiri satu majlis memberi penghargaan kepada 2 orang adik-beradik bernama Rasyikash Ramakrishnan pelajar darjah enam SRK Tamil, Kulim, Kedah dan Sri Ahrivesh Ramakrishnan pelajar tingkatan tiga SMK Kulim, Kedah.

Penghargaan diberi atas pencapaian memenangi Asia Pacific ICT Award (APICTA), Kedua-dua mereka berjaya memenangi APICTA kerana mencipta kaedah easy air cleaner yang akan mengesan virus H1N1 pada peringkat awal.

Mereka akan ke Hong Kong pada bulan November 2013 mewakili Malaysia dalam satu pertandingan. Dato A. Thaiveegan telah menghadiahkan buku penulisan beliau bertajuk Menjana Minda Remaja Menuju Kejayaan dan wang saguhati. Turut Hadir di dalam majlis ini ialah Timbalan Ketua Polis Daerah Kulim DSP Chin Su Kong, guru besar Encik Ashok Kumar dan kedua-dua ibu bapa pelajar-pelajar berkenaan.



POLIS DIRAJA MALAYSIA DAN INSTITUT PENGAJIAN TINGGI SWASTA (IPTS) JALIN KERJASAMA

Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Cyberjaya, 28 Ogos 2013 - Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Limkokwing University Creative Technology (LUCT) telah menandatangani memorandum persefahaman dua hala dalam pembanterasan jenayah siber terutamanya jenayah-jenayah komersil di institut pengajian tinggi swasta tersebut.

Majlis menandatangani memorandum tersebut telah disempurnakan oleh Dato' Wira Syed Ismail Dato' Hj. Syed Azizan, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) dan Dato' Raja Aznil Raja Hisham, Senior Vice President Limkokwing University.

Majlis menandatangani memorandum tersebut turut disaksikan oleh Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara dan Tan Sri Dato' Sri Paduka Dr Lim Kok Wing, Pengasas dan Presiden Universiti Limkokwing.





GPEC ASIA 2013 KALI KE-3

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

General Police and Special Equipment Exhibition & Conference (GPEC) Asia 2013 berlangsung pada 2 sehingga 6 Oktober 2013 di Pusat Konvensyen Putrajaya (PICC) dan Marina Putrajaya. GPEC Asia 2013 melibatkan pameran barang industri keselamatan dan kelengkapan pasukan keselamatan negara, persidangan berkenaan keselamatan dalam negeri, sesi dialog dan kunjungan hormat para pemain industri.

Program merupakan platform terbaik untuk berkongsi maklumat dan kepakaran pasukan keselamatan antara negara-negara yang terlibat. Seiring dengan landskap keselamatan dan jenayah merentasi sempadan yang semakin mencabar, teknologi dan industri keselamatan dalam negara sentiasa dipertingkatkan di samping memantapkan hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara menyertai pameran.

GPEC Asia 2013 membabitkan lawatan delegasi negara-negara ASEAN dan 16 negara lain di samping penyertaan pameran penggiat industri keselamatan daripada 15 buah negara.

Antara negara yang terlibat disepanjang program yang diatur itu adalah Amerika Syarikat, China, Australia, Jepun, Korea Selatan, New Zealand, Arab Saudi, United Kingdom, Bangladesh, Turki, Lesotho, Timor Leste, Ameriah Arab Bersatu dan Kuwait.

GPEC 2013 membuktikan usaha dan komitmen kerajaan dalam membanteras serta mengekalkan keselamatan negara dengan memperlihatkan aset baru yang mampu memperkuuh tugas Polis Diraja Malaysia (PDRM).



"Penjenayah ketika ini semakin canggih dan kecanggihan mereka perlu dilawan dengan peralatan atau aset yang lebih canggih lagi oleh PDRM dan agensi penguatkuasaan lain. Sehubungan itu, GPEC Asia 2013 ini dilihat sebagai lokasi yang sesuai untuk kementerian melihat aset-aset baharu dan bersesuaian untuk kegunaan PDRM dalam membanteras kegiatan jenayah".

"GPEC Asia telah dianjurkan sejak enam tahun lalu dan memperlihat komitmen bukan sahaja daripada pemain industri tetapi melibatkan pelbagai sektor seperti proses pembangunan dan penyelidikan (R&D) untuk memenuhikehendak polis masa kini".

"Oleh kerana pasaran yang terhad di negara ini menyebabkan PDRM akan bergabung dengan Kementerian Pertahanan dalam menyelaraskan semua aktiviti pelaburan R&D serta pertukaran maklumat bagi memperkuatkan keselamatan Negara".

Demikian kata Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Dalam Negeri di upacara Perasmian GPEC Asia 2013 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

Di antara yang turut hadir adalah Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Abdul Rahim Mohamad Radzi, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri dan Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



PROGRAM PERTUKARAN PERSONEL PDRM - POLRI

Oleh : Konst/P Mohamad Shazril Abd Rashid

Bukit Aman, 25 September 2013 – Program Pertukaran Personal (PPP) Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Polis Republik Indonesia (POLRI) telah berlangsung di Tingkat 29, Menara 1, Bukit Aman.

Tujuan program diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pegawai dan peserta dari kedua-dua pihak iaitu PDRM dan POLRI dalam aspek kepolisan serta cara pengurusan kepolisan yang berkesan. Program ini diadakan adalah untuk bertukar-tukar pendapat bagi memantapkan pasukan polis hingga ke tahap yang tertinggi dalam meningkatkan keselamatan negara.

Perancangan PPP PDRM-POLRI 2013 telah dipersetujui di dalam Mesyuarat JPCC POLRI-PDRM Ke-8 pada 5-7 Disember 2012 di Surabaya, Indonesia dan Mesyuarat Sekretariat PPP PDRM-POLRI pada 20-22 Ogos 2013 di Kuala Lumpur.

Seramai 12 orang Pegawai Kanan yang mewakili PDRM dan POLRI termasuk 2 pegawai wanita yang ber pangkat ACP (PDRM) dan KOMBES POL (POLRI) turut terlibat.





MESYUARAT DAN MAKAN MALAM PDRM / POLRI

Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Kuala Lumpur, 21 Ogos 2013 – Delegasi Polis Diraja Malaysia yang diketuai oleh Asisten Komisioner Polis Goh Boon Keng, ACP Perhubungan Antarabangsa, Urus Setia KPN telah mengadakan Mesyuarat Sekretariat Program Pertukaran Personel PDRM – POLRI tahun 2013 bersama delegasi Polis Republik Indonesia (POLRI) yang diketuai oleh KOMBES POL Drs. Budi Astono di Federal Hotel Kuala Lumpur.

Mesyuarat tersebut diadakan untuk mengerakkan hubungan di antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Polis Republik Indonesia (POLRI) dan saling bertukar pendapat antara satu sama lain.

Mesyuarat tersebut turut diserikan dengan majlis makan malam yang turut dihadiri oleh Dato' Abdul Rahman Hussin, Timbalan Pengarah 1, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDN/KA), dan Senior Asisten Komisioner Polis Dr. Yew Chong Hooi, Komandan Maktab Polis Diraja Malaysia.



LAWATAN KEBAJIKAN PDRM KE HOSPITAL SUNGAI BULOH

Oleh : L/Kpl Mohd Iqbal Nasruddin

Sungai Buloh, 8 Julai 2013 - “Komuniti Sejahtera Komitmen Kami” sebagai tema sambutan Peringatan Hari Polis ke-206 untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan seluruh penduduk, dalam konteks yang lebih luas, tema yang sama juga terpakai dalam pengurusan kesihatan masyarakat”, ujar Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zinin, Timbalan Ketua Polis Negara ketika berucap di Majlis Lawatan Ke Hospital Sungai Buloh Sempena Peringatan Hari Polis Ke-206.

Program lawatan PDRM ke hospital merupakan program tahunan yang diadakan bersempena sambutan Peringatan Hari Polis disamping mengerakkan lagi tali silaturahim dan kerjasama (PDRM dengan pihak hospital) yang telah terjalin sekian lama. Penghargaan dan ucapan terima kasih bagi pihak seluruh warga PDRM kepada semua pakar, doktor, jururawat dan seluruh warga Hospital Sungai Buloh yang telah memberi perhatian dan merawat pesakit-pesakit daripada kalangan polis yang mendapatkan rawatan di Hospital Sungai Buloh.

Turut hadir, Dr. Khalid Ibrahim, Pengarah Hospital Sungai Buloh, Datin Seri Rohaya Dato' Panglima Hj Mohd Yassin, Naib Pengurus Persatuan Keluarga Polis (PERKEP) Malaysia, Datuk Wira Mortadza Nazarene, Pengarah Pengurusan PDRM merangkap Pengurusi Jawatankuasa Induk Peringatan Hari Polis Ke-206, Dato' Sri Salleh Mat Rasid, Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam, Dato' Pahlawan Zulkifli Abdullah, Pengarah Jabatan Logistik, dan Dato' Hadi Ho Abdullah, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah.





SUMBANGAN BAKTI KEPADA PASUKAN KESELAMATAN NEGARA

Oleh : Konst/P Mohamad Shazril Abd Rashid

Putrajaya, 15 Julai 2013 – Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya kepada Pasukan Keselamatan Negara 2013 menjelang perayaan Aidilfitri telah berlangsung di Dewan Banquet, Seri Perdana, Putrajaya

Sebanyak 49, 300 kotak bungkusan yang terdiri daripada rendang daging, sambal ikan bilis, kuah kacang dan nasi impit telah disumbangkan kepada Markas Angkatan Tentera Malaysia, Markas Tentera Darat, Markas Tentera Laut, Markas Tentera Udara, PDRM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Majlis telah dirasmikan oleh Datin Paduka Seri Rosmah Mansor, Yang Di-Pertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri (BAKTI).

Turut hadir Puan Sri Hajah Noorainee Abdul Rahman, Naib Yang Di-Pertua BAKTI, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia bersama Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom Wan Awang, Pengurus BAKAT, Laksamana Dato' Mohammad Amdan Kurish, Ketua Pengarah Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan isteri, Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, Puan Sri Datin Sri Imran Ibrahim, Pengurus PERKEP, Pengarah-Pengarah PDRM, Panglima-Panglima Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia, pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli BAKTI, BAKAT, PERKEP dan wakil-wakil media.



SUMBANGAN DARIPADA WANITA UMNO

Oleh : Konst/P Mohamad Shazril Abd Rashid

Kuala Lumpur, 3 Ogos 2013- Pergerakan Wanita UMNO Malaysia telah menyumbang bungkusan hari raya kepada petugas-petugas keselamatan yang berkhidmat ketika musim perayaan sempena Majlis Jalinan Ramadhan Bersama Pasukan Beruniform Anjuran Pergerakan Wanita UMNO Malaysia di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Pemberian sumbangan bungkusan hari raya tersebut adalah untuk memberi serba sedikit semangat untuk petugas – petugas keselamatan dalam menempuh perayaan yang akan menjelang tidak lama lagi. Oleh itu, Pergerakan Wanita UMNO Malaysia sentiasa mengatur inisiatif murni dengan menghulurkan sumbangan kepada petugas-petugas keselamatan yang berkhidmat ketika musim perayaan.

Majlis telah disempurnakan oleh Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia. Pergerakan Wanita UMNO Malaysia juga turut memberi sumbangan kepada balu – balu serta ahli keluarga kepada PDRM dan ATM yang terkorban semasa Op Daulat di Lahad Datu, Sabah.

Turut hadir, Inspektor Jeneral Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Zulkifeli Mohd Zin, Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Dato' Wan Mohd Nor Haji Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Dato' Sulaiman Haji Keling, Ketua Pengarah Jabatan Pertahanan Awam Malaysia, Deputi Inspektor Jeneral Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zin, Timbalan Ketua Polis Negara, Wakil Panglima Tentera Darat dan Wakil Panglima Tentera Udara, Pengarah-pengarah serta Timbalan Pengarah PDRM.



PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA TABUNG KEBAJIKAN PDRM

Oleh : Konst/P Mohamad Shazril Abd Rashid

Bukit Aman, 8 Julai 2013 – Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Kepada Tabung Kebajikan Polis Diraja Malaysia daripada Mayland Group Of Companies dan Taikar Capital Sdn. Bhd. telah berlangsung di Bukit Aman.

Sumbangan yang berjumlah RM20,000 daripada Mayland Group Of Companies dan RM50,000 daripada Taikar Capital Sdn. Bhd. telah disampaikan kepada Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara.



Turut hadir Datuk Seri Mohd Bakri Mohd Zin, Timbalan Ketua Polis Negara, CP Datuk Wira Mortadza Nazarena, Pengarah Urusan PDRM, Dato' Ramli Din, Setiausaha Polis Malaysia (SUPM) dan Pegawai-Pegawai Kanan PDRM.





'Pagar tebing Sungai Golok'

» Syor akan diwarta bagi atasi kegiatan penyeludupan di sempadan

Oleh Norliza Wasilan
norlizawasilan@bh.com.my

■ Negeri Sembilan

Tebing sungai berhampiran sempadan negara Jiran akan diwartakan sebagai kawasan keselamatan bagi melumpuhkan kegiatan di pangkalan berasam, sekali guna membanter aktiviti penyeludupan senjata, dadah dan kemasukan penjenayah.

Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata sebagai pernyataan jangka panjang, kerajaan akan membina tembok dan pagar di sepanjang 1 kilometer (km) tebing Sungai Golok.

"Ini cadangan daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor dan ia perlu diwujudkan, tetapi dari segi dasar setuju la dilaksanakan," katanya.

Selain itu, dia menambah bahawa kerajaan akan mencari sumber dana untuk mendanai projek ini.

Dato' Zulkifli Mohd

Amengzamra@bh.com.my

Kepala Stesen

■ Perancang utama dicekup,

enam kendaraan

RM2.3 juta

dirampas

Oleh Ekhaman Naque Faizal

Naque@bh.com.my

■ Polis Marin

kawal 731 km

pesisir pantai

halang

penyeludupan,

kongsi gelap

lari ikut laut

Oleh Ekhaman Naque Faizal

Naque@bh.com.my

■ PPM

mengalihkan

ke atas 3,935

individu terdiri

dari warga

tempatan dan

asing selain atas

kapal, hot dan sam-

pan yang berada di sepa-

jang perairan wilayah ber-

kenaan

Komander PPM Wilayah

Satu Asasik Koordinator Mo-

bd Yusof Abdullah berkata,

daripada jumlah pemerluka-

an itu, 22 tangkapannya dibuat

atas pelbagai kesalahan an-

taranya menyeludupan mi-

nyak diesel, bahas ketulan,

dan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

sejak dua minggu lalu. PPM

sekali semula yang mana ke-

nya mungkin kerana erosi,

atau lepasan cahaya," katanya.

Mohd Yusof berkata, da-

tan operasi yang dilakukan

S/INSP. SAZALI ABD.SAMAD 9 KALI JUARA DUNIA

Oleh : S/Insp. Megat Nizar

Sepang, 19 November 2013 - Atlet bina badan Polis Diraja Malaysia (PDRM), S/Insp. Sazali Abd. Samad dinobat sebagai Juara Dunia kali ke-9, kategori 70kg. Light Weight di 5th WBPF World Championship yang berlangsung di Budaors, Hungry. Kejohanan berlangsung dari 13 – 17 November 2013 itu disertai seramai

250 atlet bina badan daripada 30 buah negara dalam pelbagai kategori yang dipertandingkan.

Pada kejohanan itu, negara menghantar 5 atlet terdiri daripada S/Insp. Sazali Abd. Samad, Koperal Azahar Mohamed, SP Mohd Syarul Azman Mahen Abdullah, Buda Anchah dan Mohamad Rozaimi Abdul Rani.

Ketibaan Wira Negara di KLIA itu disambut oleh SAC Dato' Abdul Ghafar Rajab, Timbalan Pengarah Pengurusan (Pentadbiran), Bukit Azman, ACP Wan Abd. Aziz Wan Hamzah, Ketua Penolong Pengarah Urus Setia JSJ, Bukit Aman dan ASP Hj. Gazali Yunos, Pengurus Persatuan Bina Badan PDRM.

